

22/01/1997

Nasib 65 pekerja KBM dibincang

KUALA LUMPUR, Selasa - Nasib 65 pekerja Bahagian Kenderaan Mara (KBM) di Kedah, Pahang dan Melaka yang memperolehi gaji antara RM360 hingga RM390 sejak 20 tahun lalu, akan dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Kementerian Pembangunan Usahawan, esok.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kedudukan mereka akan diketahui selepas mesyuarat itu, yang turut dihadiri oleh pegawai kanan Mara.

"Kita akan bermesyuarat jam 1 tengah hari esok. Hari ini, (kedudukan kes itu) tak siap lagi," katanya ketika ditemui, hari ini.

Ditanya sama ada kes itu akan dibawa kepada pengetahuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti nyatakan oleh Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid, beliau berkata soal itu akan diteliti.

Akhbar ini Ahad lalu melaporkan, 65 pekerja terbabit memperolehi gaji di antara RM360 hingga RM390 sejak mereka menerima opsyen Laporan Harun 1975 tetapi tidak dibenarkan menerima opsyen Sistem Saraan Baru (SSB) kerana Mara menganggap mereka kakitangan sementara.

(END)